

KENYATAAN MEDIA

SEDANIA Pacu Pertumbuhan bersama Tanamera

Pemangkin ESG meluaskan portfolionya dalam bidang “Sustainable Healthcare” melalui pemerolehan majoriti di Tanamera

Sorotan Utama:

- *SEDANIA tandatangani perjanjian untuk memperoleh 51% pegangan saham dalam Tanamera bernilai RM8.18 juta tunai*
- *Perolehan strategik ini meningkatkan segmen “Sustainable Healthcare” SEDANIA dengan produk penjagaan kesihatan Tanamera kepada para ibu*
- *Tanamera beri peluang kepada SEDANIA terokai bidang pengilangan Penjagaan “Sustainable Healthcare”*

PETALING JAYA, 06 NOVEMBER 2023 - SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA” atau “Kumpulan”) mengukuhkan kedudukannya dalam segmen *Sustainable Healthcare* dengan pemerolehan sebanyak 51% kepentingan dalam Tanamera Group Sdn Bhd (“Tanamera”).

Ini berikutan dengan pemeteraian Perjanjian Jualan Saham (“SSA”) dan Perjanjian Langgan (“SA”) antara SEDANIA dan Tanamera hari ini.

Cadangan pemerolehan secara tunai sebanyak RM8.18 juta akan dibiayai oleh dana dalaman, dan dijangka dapat diselesaikan pada suku pertama berakhir 31 Mac 2024 (Q1 FY2024).

Buat masa ini, segmen *Sustainable Healthcare*, iaitu produk bayi organik premium, Offspring Inc, yang juga merupakan anak syarikat milik SEDANIA dengan pemilikan sebanyak 51%.

Datuk Azrin Mohd Noor, Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA berkata, “Offspring percaya kasih sayang seorang ibu untuk anaknya tiada batasan. Ini menjadikan Offspring sebagai jenama pilihan utama untuk para ibu bagi anak mereka. Kami juga yakin bahawa para ibu yang

menggunakan jenama Offspring layak menerima kasih yang terbaik, dan kini, kami melanjutkan kasih tersebut melalui Tanamera.

“Kerjasama strategik ini juga dapat memberi peluang yang lebih besar untuk perbelanjaan isi rumah, di samping dapat memperkembangkan nilai rantaian dan mengukuhkan kedudukan Syarikat sebagai peneraju dalam kapasiti untuk mereka bentuk dan pengilangan produk *Sustainable Healthcare*. Langkah ini membolehkan Syarikat mempertingkatkan rangkaian produk, menguatkan proposisi jualan unik kami, dan akhirnya meningkatkan margin keuntungan kami.

“Ini membuka peluang lebih besar bagi Tanamera kerana ia dapat memperluaskan pasarannya dan mengukuhkan kedudukan dalam memanfaatkan 800 titik penjualan produk Offspring di Malaysia serta peringkat antarabangsa yang kini sudah pun berada di 26 negara.”

Tanamera Group adalah pengeluar produk penjagaan peribadi premium dan suplemen makanan. Dengan pengalaman lebih dari 20 tahun, Tanamera menghasilkan formulasi dan produksi pelbagai produk penjagaan badan seperti sabun, skrub, minyak urut, dan minyak esensial, yang menggunakan bahan tumbuhan tropika semula jadi. Produk-produk ini dipasarkan di bawah jenama premium Syarikat, "Tanamera". Semua produknya adalah 100% berasaskan tumbuhan dan bebas dari pengawet kimia. Syarikat ini juga menyediakan perkhidmatan pengilangan kontrak untuk pelanggan antarabangsa.

Datuk Azrin menambah, "Kehadiran jenama Tanamera ke dalam keluarga SEDANIA bukan setakat mengembangkan perniagaan semata-mata. Ia adalah kepercayaan dan inovasi yang memberi manfaat kepada perniagaan tetapi juga kepada setiap ibu dan anak. Dengan penggunaan secara meluas di kalangan para ibu yang mempercayai jenama Offspring, kini mereka dapat keyakinan yang sama terhadap Tanamera. Ia bukan hanya sinergi dalam perniagaan, malahan lembaran baru untuk generasi seterusnya.”

Mengenai SEDANIA Innovator Berhad

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penyertaannya pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan memupuk kehidupan yang lebih inklusif dan lestari untuk masyarakat.

SEDANIA membolehkan kelestarian untuk organisasi dengan melabur, membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui. Penyelesaian tenaga hijau SEDANIA telah menjimatkan lebih 100 gigawatt-jam dan sekitar RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan korporatnya.

Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk bayi organik premium yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk premium dan lestari buatan Australia dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui beberapa kedai runcit di lebih 25 negara di seluruh dunia.

Menerusi anak syarikatnya SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd, SEDANIA turut memainkan peranan dalam mempercepatkan penggunaan perbankan digital setelah memperkasakan hampir 95 institusi kewangan dengan pelbagai penyelesaian Fintech termasuk Platform Komoditi Digital berasaskan API yang dipatenkan. Selain itu, ia memperkasakan rangkuman kewangan dalam kalangan masyarakat melalui Program Pembiayaan GoHalal dan platform hibah digital lengkap yang memudahkan perancangan harta pusaka Islam.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.

Log masuk ke www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Mengenai Tanamera

Produk Tanamera disyorkan untuk kesihatan dan pengguna yang prihatin terhadap kualiti dan selamat digunakan, serta mereka yang menghargai konsep ubat-ubatan semula jadi, rawatan tradisional Asia, dan kuasa penyembuhan herba serta esens tropika. Sejak tahun 2003, barisan produk Tanamera Professional telah digunakan di spa di seluruh dunia.

Produk yang berkonsepkan semula jadi ini telah diterima dengan baik oleh industri kesihatan dan spa di seluruh dunia dan menjadi kegemaran di peringkat antarabangsa.

Tanamera juga telah mencapai kejayaan global dengan mengeksport seni rawatan tradisional Melayu dan produk yang berkualiti tinggi ke negara-negara di rantau Asia, Eropah, Timur Tengah dan Amerika.

UNTUK SIARAN SEGERA



Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Sharina Ahmad / Ilya Amira

Tel: 03-7880 2001 / +6012 3100 394 / +6013 228 8005

Emel:

media@sedaniainnovator.com

 [Sedania Innovator Berhad](#)

 [sedaniainnovatorbhd](#)

 [Sedania Innovator Berhad](#)